

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HIU 225 – Pendidikan Nilai-Nilai Murni Dari Perspektif Islam**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT [4]** soalan. Jawab soalan **SATU [1] (Wajib)** dan pilih **DUA [2]** soalan yang lain. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Roh, hati, akal dan jiwa merupakan aspek-aspek utama yang dibincangkan dalam ilmu kerohanian Islam.  
Berdasarkan kepada pernyataan ini, jelaskan dari sudut manakah aspek-aspek ini dibincangkan dan kepentingannya di dalam pembinaan peribadi seorang muslim.
2. Di dalam ilmu kerohanian Islam, muhasabah ialah satu cara yang dianjurkan dalam usaha untuk memperbaiki peribadi.  
Terangkan konsep muhasabah, cara-cara dan kepentingannya.
3. Jiwa manusia secara fitrah adalah suci dan mulia. Tetapi suasana sekeliling boleh memberikan kesan negatif ke atas jiwa manusia yang menyebabkan jiwa manusia itu sakit. Oleh itu manusia dituntut supaya sentiasa berusaha mengembalikan keadaan jiwanya kepada yang asal.  
Huraikan kaitan masalah ini dengan kepentingan pengetahuan seseorang tentang penyakit-penyakit hati dan cara-cara rawatannya menurut ajaran kerohanian Islam.

4. Masalah keruntuhan akhlak adalah serius di kalangan umat Islam masakini.  
Dengan berpandukan kepada pengetahuan anda tentang prinsip-prinsip serta nilai-nilai akhlak di dalam Islam, huraikan secara ilmiah bagaimana masalah ini boleh diatasi.

- ooo 0 ooo -